



**IKLAN TAWARAN PAJAKAN BAGI KERJA-KERJA MENGAMBIL,
MENGUMPUL DAN MENGELUARKAN BARANG KITAR SEMULA /
BARANG LUSUH DI TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL
MILIK MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN**

Permohonan adalah dipelawa kepada pemohon warganegara Malaysia dan syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah kod 38112 & 46698 serta yang berkaitan dan masih sah laku sahaja dibenarkan membuat tawaran pajakan ini.

BIL	NAMA PREMIS	LOKASI	TEMPOH PAJAKAN
1	TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL BUKIT LAT	PT 4896 BUKIT LAT, KAMPUNG SERDANG, MUKIM KUMPAL, DUNGUN	3 TAHUN
2	TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL BUKIT AYAK	PT 16138 BUKIT AYAK, MUKIM KUALA PAKA, DUNGUN	

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN :

1. Naskah Meja Tawaran akan dipamerkan pada **14 Disember 2025 hingga 21 Disember 2025** dan tidak akan dijual setelah tempoh ini. Segala butir dan dokumen boleh disemak pada waktu pejabat di Bahagian Kesihatan dan Kebersihan, Majlis Perbandaran Dungun.
2. Dokumen Tawaran akan dikeluarkan kepada pemohon / syarikat yang sah sahaja. Pemohon / Syarikat hendaklah membawa **Surat Pendaftaran Asal Kontraktor (Kementerian Kewangan Malaysia)** dan **Surat Pendaftaran Kontraktor Bumiputera (Kementerian Kewangan Malaysia)**.
3. Pemohon / Syarikat yang ingin memohon tawaran adalah dikehendaki mengeluarkan wang tunai / wang kiriman pos / bank draf / wang pos dengan bayaran **RM 30.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Sahaja)**, yang dibuat atas nama **YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN** sebagai bayaran Dokumen Tawaran.
4. Dokumen Tawaran yang telah siap disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat bermetri, bertulis No. Tawaran, berjudul seperti yang ditetapkan di atas dan hendaklah dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN di **Bahagian Kesihatan dan Kebersihan, Majlis Perbandaran Dungun pada atau sebelum 21 Disember 2025 (Ahad) jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Tawaran yang tidak lengkap atau diterima selepas tarikh ini tidak akan dipertimbangkan.
5. Pihak Majlis Perbandaran Dungun tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau tertinggi atau mana-mana tawaran dan keputusan adalah muktamad.

HAJI LUKEMA MERI BIN SALLEH @ ABDUL LATIF
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Dungun